

MOHD. NOOR MAT YAZID
ASMADY IDRIS

Ke Arah Impian Menggapai Taraf Universiti Penyelidikan di Malaysia: Kajian Kes Universiti Malaysia Sabah

ABSTRACT

The Ministry of Higher Education of Malaysia has recently called for all public universities in Malaysia to focus more on research activities. This call is to ensure that a high quality standard of research can be achieved in order to produce more research universities in the future. Accordingly, Malaysia University of Sabah (UMS), as the ninth public university in Malaysia, has enthusiastically answered this call by encouraging and facilitating its academic staff to actively engage in research activities. UMS, however, realizes that it will take a long process before it can be regarded as a research university. Therefore, this article has identified six pro-active actions that may be taken by UMS to achieve its vision i.e. (1) strengthen physical needs; (2) increase the number of postgraduate students; (3) acquire more highly qualified needs; (3) acquire more highly qualified academicians; (4) enhance international networking; (5) form several research leaders or "Malim Sarjana"; and (6) publish and commercialize research outcomes in highly refereed journals and commercial sectors. Especially the latest, UMS should cooperate in publishing sector with some foreign universities to make its name is acknowledged and well-known by international world. Without the effort of productive and qualified publication, this beautiful and prominent infrastructure will not contribute to establishing a pioneer and superior university in research field.

Key words: the policy on research university in Malaysia, challenge and respond of UMS, and some actions should be taken by UMS.



Prof. Madya Dr. Mohd. Noor Mat Yazid ialah Pensyarah pada Program Antarabangsa, Sekolah Sains Sosial UMS (Universiti Malaysia Sabah). Beliau menyambung ke peringkat Sarjana dalam bidang Hubungan Antarabangsa di University of Leeds, England, tahun 1997; dan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang yang sama di University of Birmingham, England, tahun 2004. Beliau menulis buku, di antaranya adalah *Hegemonic Powers, Radical Politics and Developmental States: The Case of Indonesia – Malaysia Political Relations during the Cold War* (Kota Kinabalu: Penerbit UMS, 2007).



Prof. Madya Dr. Asmady Idris ialah Pensyarah dan Dekan Sekolah Sains Sosial UMS. Beliau menamatkan Ph.D. (Doctor of Philosophy) dari University of Newcastle upon Tyne, UK (United Kingdom), dengan menulis Ph.D. thesis mengenai: "Key Determining Factors Influencing Small States' Relationships: A Case Study of Malaysia's Relations with Saudi Arabia". Beliau menulis buku, di antaranya adalah *Amerika Syarikat: Satu Kuasa Hegemoni Dunia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000). Beliau boleh dihubungi dengan alamat e-mail: drasmadyi@gmail.com

PENDAHULUAN

Pada ketika ini Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia sedang berusaha untuk membantu mempertingkatkan mutu pengajaran-pembelajaran dan aktiviti penyelidikan, khasnya bagi semua universiti tempatan di Malaysia, termasuklah Universiti Malaysia Sabah (UMS). Dengan pelancaran Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui Tahun 2020 pada 27 Ogos 2007 yang lalu, ia menyediakan tujuh teras penting dalam menentukan halatuju institusi pengajian tinggi di Malaysia (Zaini Ujang, 2007). Pelan strategik ini berhasrat agar semua universiti tempatan berusaha giat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang cemerlang dalam arena pendidikan tinggi dan penyelidikan yang bertaraf antarabangsa.

Berdasarkan kepada Teras Ketiga, iaitu Memperteguh Penyelidikan dan Inovasi,¹ maka Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah menjadikan empat buah universiti tempatan sebagai "Universiti Penyelidikan". Universiti tersebut ialah: (1) Universiti Malaya, (2) Universiti Kebangsaan Malaysia, (3) Universiti Sains Malaysia, dan (4) Universiti Putra Malaysia (*Utusan Malaysia*, 19/11/2007). Manakala bagi UMS, ia telah diletakkan dalam kategori "Universiti Komprehensif" yang menawarkan pelbagai jurusan bidang pendidikan di peringkat universiti. Di sini timbul suatu persoalan, sama ada UMS mampu atau pun tidak untuk menggapai status "Universiti Penyelidikan" pada masa akan datang.

UMS: MENGGAPAI STATUS UNIVERSITI PENYELIDIKAN

Jika diteliti latar belakang awal penubuhan UMS, ia telah mempunyai visi dan misi yang jelas untuk menjadikan pusat gedung di Kepulauan Borneo ini sebagai salah sebuah universiti yang berinovatif dan mempunyai kecemerlangan ilmiah dalam aspek pengajaran-pembelajaran dan penyelidikan. Visi dan Misi UMS adalah seperti yang dinyatakan di bawah ini:

Visi: "Universiti Malaysia Sabah bertekad menjadi sebuah universiti berinovatif yang bertaraf dunia".

Misi: "Universiti Malaysia Sabah bertekad mencapai kecemerlangan ilmiah dalam pelbagai bidang ilmu untuk mendapat pengiktirafan antarabangsa menerusi pengajaran dan pembelajaran, *penyelidikan*, penerbitan, khidmat masyarakat dan keseimbangan pengkhususan ilmu serta keperibadian pelajarnya untuk menghasilkan produktiviti dan kualiti yan tinggi dalam konteks persekitaran dan aspirasi pembangunan masyarakat dan negara" (*Prospektus Pascasiswazah*, 2003:3).

Dengan erti kata yang lain, sebelum Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara dilancarkan, UMS telah pun merintis awal untuk muncul sebagai sebuah universiti yang berinovatif dan mempunyai mutu penyelidikan yang

¹Bahan tentang Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara diagihkan semasa Bengkel Pelan Strategik dan Pelan Tindakan UMS, 31 Oktober - 3 November 2007, di Rasa Ria Resort Tuaran, Sabah.

bertaraf antarabangsa. Kini dengan terlaksananya Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara ini, ia akan lebih menyuntik semangat UMS dan warganya untuk menggapai status “Universiti Penyelidikan”. Ini kerana dengan lokasi geo-strategik dan prasarana moden yang dimiliki oleh UMS akan memberikan ruang dan peluang yang lebih luas lagi untuk merencanakan pelbagai bentuk aktiviti penyelidikan. Ditambah lagi dengan struktur pentadbiran UMS yang semakin mantap dari masa ke semasa, bermula dengan pentadbiran Naib Canselor sehinggalah ke peringkat perkhidmatan sokongan dan juga pertambahan kakitangan akademik yang berkualiti, adalah diharapkan agar kesemua elemen ini akan dapat bergabung dalam usaha memberikan dokongan padu ke arah impian untuk menjadikan UMS sebagai sebuah universiti penyelidikan bertaraf global.

Namun demikian, sebelum dapat merealisasikan impian ini, warga universiti perlu menyedari hakikat bahawa UMS pada ketika ini masih belum berada pada ranking ke-500 universiti terbaik dunia.² UMS masih belum melahirkan tokoh *Nobel Laureate*. Selain daripada itu, berdasarkan kepada pengukuran ranking universiti di Malaysia baru-baru ini oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia melalui kaedah yang dinamakan sebagai *SETARA* (Sistem Penarafan IPTA) oleh Agensi Kelayakan Malaysia atau MQA (*Utusan Malaysia*, 19/5/2008), UMS masih belum juga berada sebaris dengan universiti-universiti tempatan yang terkemuka seperti Universti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Malah, dengan kapasiti jumlah pelajar UMS yang mencecah sehingga 15,000 orang pelajar berbanding dengan jumlah anggota kakitangan akademik dan bukan akademik sekitar 1,526 orang, iaitu 697 orang – kakitangan akademik; dan 829 orang – bukan akademik,³ senario ini memaparkan tanggungjawab dan peranan besar yang mesti dilaksanakan oleh setiap warga anggota Universiti Malaysia Sabah.

Selanjutnya lagi, UMS sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam yang kesembilan masih perlu memikul agenda utama negara, iaitu memenuhi tuntutan “obligasi sosial” bagi menyediakan asas pengajaran-pembelajaran kepada rakyat Sabah khasnya dan Malaysia amnya. Di sinilah terletaknya cabaran utama UMS dalam menggapai status “Universiti Penyelidikan”. UMS perlu menyeimbangkan tuntutan obligasi sosial ini demi kesinambungan kebajikan rakyat Malaysia dan pada masa yang sama menongkah arus dengan gagah mencapai kecemerlangan penyelidikan yang juga dianggap penting sebagai survival dan simbol pengiktirafan antarabangsa (Mills, 2008).

Di sebalik cabaran-cabaran yang telah dibincangkan di atas, ia tidak bermakna UMS tidak akan mampu untuk merealisasikan impiannya. Berbekalkan semangat “Bertekad Cemerlang”, dan terus berusaha untuk

²Sila tengok “Times Higher Education: QS World University Rankings 2007” dalam http://www.topuniversities.com/worlduniversityrankings/results/2007/overall_rankings/rankings_401_500/ [diakses di Kota Kinabalu, 13/8/2008].

³Lihat “Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar UMS” (2008).

mengambil langkah-langkah yang bersifat pro-aktif dan dinamik adalah tidak mustahil bagi UMS menggapai status “Universiti Penyelidikan”.

KE ARAH STATUS UNIVERSITI PENYELIDIKAN: INISIATIF TERPENTING BAGI UMS

Tindakan dan langkah-langkah berikut adalah dilihat sebagai penting bagi UMS untuk mencapai status Universiti Penyelidikan. Terdapat enam langkah dan tindakan yang perlu diambil oleh UMS bagi mencapai matlamat Universiti Penyelidikan. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut: (1) Memperkasakan pembangunan fizikal universiti seperti perpustakaan dan kemudahan pengajaran-pembelajaran; (2) Memperkasakan pengambilan pelajar Pascasiswazah untuk merencanakan aktiviti penyelidikan; (3) Memperkasakan pengambilan, perlantikan dan latihan kepada tenaga akademik yang berkualiti; (4) Memperkasakan rangkaian dengan universiti-universiti terkemuka dunia; (5) Memperkasakan pembentukan ataupun mewujudkan ketua penyelidik yang berkemampuan untuk memperkembang tunas muda akademik, atau *Malim Sarjana*, dan pembentukan generasi pelapis penyelidik; dan (6) Memperkasakan pemasaran hasil-hasil penyelidikan dan penerbitan. Keenam-enam langkah dan tindakan ini akan dijelaskan pada perenggan berikutnya.

A. MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN FIZIKAL UNIVERSITI

Selaras dengan usaha meningkatkan mutu dan tahap penyelidikan di Universiti Malaysia Sabah, peningkatan mutu fizikal universiti mesti juga perlu ditingkatkan. Selain daripada mutu fizikal yang ada dan sentiasa ditingkatkan, dua perkara penting fizikal adalah peningkatan mutu perkhidmatan dan sumber di perpustakaan. Sebuah universiti yang dapat dikategorikan sebagai perpustakaan universiti penyelidikan adalah mempunyai koleksi sebanyak satu juta jodol.⁴ Buat masa ini mutu perkhidmatan yang disediakan oleh pihak UMS masih perlu diperbaiki, terutamanya dalam menyediakan aspek bahan sumber rujukan dan tahap perkhidmatan agar setara dengan universiti-universiti yang lebih lama di Malaysia. Koleksi bahan mesti ditambahkan lagi sesuai dengan keperluan pelajar dan penyelidik, terutamanya jurnal-jurnal utama dalam semua bidang (*e-journal* dan *hard copy*). Dalam hal ini, pihak universiti tidak seharusnya memilih beberapa jurnal tertentu sahaja dalam bidang-bidang tertentu, tetapi semua bidang dan semua jurnal, terutamanya jurnal-jurnal daripada universiti-universiti dan institusi-institusi terkemuka dunia. Hal ini mesti dijadikan perkara penting dan tidak sepatutnya ditimbulkan apa-apa alasan (misalnya masalah peruntukan kewangan yang terhad) dalam langgan jurnal dalam semua bidang. Jurnal ini juga hendaklah

⁴Mengikut para ilmunan, sesebuah perpustakaan yang mempunyai koleksi minimum sebanyak satu juta tajuk layak dinaiktarafkan sebagai sebuah perpustakaan penyelidik. Sebuah perpustakaan yang baik mempunyai peranan yang besar dalam menjayakan impian sebuah universiti penyelidikan. Lihat Ramli Abdul Samad (2004).

dilanggan daripada jilid pertama sehingga terkini, terutamanya dalam bidang Disiplin Sains Sosial seperti hubungan antarabangsa, sosiologi, sains politik dan sebagainya. Tempahan jurnal hanya pada jilid terkini sahaja tidak memadai, khususnya bagi pengkaji peringkat pascasiswazah. Penerokaan yang lebih mendalam memerlukan jurnal-jurnal yang tinggi mutu dan besar kuantitinya.

Perkhidmatan *inter-library loan* juga harus dipertingkatkan ke tahap yang lebih baik daripada tahap yang ada sekarang. Ini adalah selaras dengan apa yang diamalkan di semua universiti-universiti terkemuka di dunia seperti di United Kingdom dan Amerika Syarikat. Adalah mustahil sesebuah perpustakaan itu mampu menyediakan semua bahan dan rujukan yang diperlukan oleh para penyelidik dan pelajar dalam pelbagai bidang dan pelbagai peringkat. Jadi hubungan dan saling pinjam-meminjam di antara sebuah perpustakaan universiti dengan sebuah perpustakaan universiti yang lain adalah wajar dan biasa diamalkan di negara maju. Buat masa ini perkhidmatan *inter-library loan* yang disediakan oleh pihak UMS masih perlu dipertingkatkan selaras dengan meningkatnya bilangan pelajar (pra dan pascasiswazah) dan juga usaha meningkatkan mutu perkhidmatan kepada semua pelanggan perpustakaan. Dengan efisiennya perkhidmatan *inter-library-loan* akan merapatkan kerjasama di antara perpustakaan dan matlamat meningkatkan mutu dan penyediaan sumber akan dapat diperbaiki.

Selain daripada jurnal, buku-buku tertentu juga harus dikemaskini pada tahap yang sepatutnya. Di sini ada dua jenis utama buku. *Pertama*, buku-buku asas yang dihasilkan oleh sarjana-sarjana besar dalam bidang khusus tertentu yang dasarnya menjadi asas dan rujukan utama bagi semua peringkat. Misalnya dalam bidang Hubungan Antarabangsa karya tokoh-tokoh seperti Hans Morgenthau, Kenneth Waltz, Robert Gilpin, Robert Keohane, John Mearshiemer perlu diletakkan dalam koleksi "tanda merah". *Kedua*, buku-buku terkini yang diterbitkan hendaklah terus dibeli oleh pihak universiti dan diuruskan segera bagi membolehkan digunakan oleh pengguna. Tidak hanya dipamerkan dalam ruang pameran untuk tempoh masa yang agak lama dan tidak dapat dipinjam (seperti yang berlaku sekarang) kerana prinsip asas buku adalah untuk dibaca dan dikaji isi kandungannya, bukannya untuk dipamerkan.

Pustakawan universiti penyelidikan juga harus mempunyai kecekapan, falsafah kerja, kemahiran serta keupayaan menguasai bahasa nasional dan antarabangsa dengan lebih cekap bagi menyesuaikan keadaan dengan dunia sarjana dan penyelidik. Pemahaman dan keupayaan pustakawan ini sangat berguna bagi menghadapi sebarang pertanyaan dan permintaan penyelidik daripada berbagai disiplin, peringkat dan latar belakang. Pustakawan adalah digalakkan untuk memiliki ijazah atau diploma dalam bidang Sains Perpustakaan dan juga wajar diberikan peluang menimba pengalaman seperti program sangkut di universiti-universiti terkemuka dunia seperti Harvard University, Oxford, Cambridge atau University of Tokyo. Dalam keadaan dan tahap tertentu, pustakawan universiti penyelidikan perlu didedahkan bidang

kajian dan struktur pengajian sehingga peringkat Ph.D bagi memudahkan pustakawan berurusan dengan penyelidik dan melakukan urusan yang berkaitan (Ramli Abdul Samad, 2004).

Selain daripada perpustakaan, kemudahan pengajaran-pembelajaran juga adalah di antara aspek fizikal yang harus diambil kira bagi mencapai tahap universiti penyelidikan. Ini termasuklah kemudahan bilik kuliah yang sesuai dan dilengkapi dengan LCD projector dan kemudahan komputer yang sesuai dengan teknologi semasa. Tanpa kemudahan ini maka universiti tidak menyediakan satu situasi yang kondusif bagi proses pengajaran-pembelajaran yang sesuai dengan keperluan dan persekitaran semasa.

Juru teknik yang cekap dan berkelayakan dan alat ganti yang mencukupi dan baik pengurusannya adalah faktor penting yang berkaitan dengan kemudahan fizikal pengajaran-pembelajaran. Kemudahan yang sesuai dengan teknologi dan persekitaran semasa tidak akan bermakna jika tidak dibekalkan dengan juru teknik yang cekap dan alat ganti yang mencukupi. Bayangkan jika satu LCD rosak terpaksa menunggu selama berbulan-bulan atau lebih lama daripada itu untuk dibaiki kerana masalah juru teknik dan alat ganti yang terpaksa diimport dari luar negara. Berapa banyak masa telah terbuang dan memberi kesan yang buruk kepada proses pengajaran-pembelajaran dan penyelidikan yang berkaitan.

B. MEMPERKASAKAN PENGAMBILAN PELAJAR PASCASISWAZAH

Memperkasakan pengambilan pelajar pascasiswazah adalah di antara langkah penting Universiti Malaysia Sabah yang mesti dilakukan bagi mencapai status Universiti Penyelidikan. Ini penting kerana pelajar pascasiswazah (Sarjana, Sarjana Falsafah dan Doktor Falsafah) adalah kumpulan yang mempunyai hubungan langsung dengan penyelidikan. Gagal atau berjayanya pengajian mereka adalah bergantung kepada penyelidikan yang dilakukan oleh para pelajar pascasiswazah ini. Dalam konteks UMS, ijazah sarjana dan doktor falsafah adalah kejayaan menghasilkan tesis berasaskan penyelidikan yang dilakukan. Jadi peningkatan pelajar pascasiswazah adalah bermakna meningkatnya penyelidikan yang akan dilakukan. Penyelidikan yang dilakukan bagi menghasilkan tesis sarjana atau Ph.D adalah penyelidikan ilmiah yang akademik sifatnya yang diakui oleh komuniti akademik peringkat antarabangsa. Sekiranya calon ini telah benar-benar faham akan proses dan langkah-langkah penyelidikan maka selepas menamatkan pengajian sarjana atau doktor falsafah, bermakna dia telah mampu meneruskan penyelidikan yang seterusnya.

Peningkatan pelajar pascasiswazah ini juga adalah selaras dengan memenuhi sebahagian syarat yang boleh dikategorikan sebagai universiti penyelidikan. Walaupun pada dasarnya tiada ketetapan yang khusus bagi menentukan sesebuah universiti awam itu dikatakan sebagai universiti penyelidikan, tetapi pada dasarnya peratusan pelajar yang mengikuti pengajian sarjana dan doktor falsafah adalah sepatutnya melebihi daripada 30 peratus

(*Utusan Malaysia*, 3/7/2004). Pelajar dalam disiplin dan bidang sains dan bidang-bidang yang berkaitan juga adalah satu kriteria yang penting dan mempunyai hubungan dengan pentakrifan sebuah universiti penyelidikan. Sesebuah universiti awam yang tidak mempunyai fakulti atau program pengajian sains, kejuruteraan dan bidang-bidang yang berkaitan menghadapi sedikit masalah dalam soal ini.

Universiti Malaysia Sabah tidak menghadapi masalah dalam soal ini kerana di peringkat prasiswazah jurusan sains, kejuruteraan dan bidang-bidang yang berkaitan adalah berada dalam kadar 60:40 (sains : bukan sains). Lokasi, persekitaran dan faktor geografi Negeri Sabah dan UMS mampu menggalakkan dan menarik pelajar pascasiswazah dan penyelidik dari luar untuk datang dan melakukan penyelidikan di bawah program pengajian dan institut-institut penyelidikan di Universiti Malaysia Sabah. Peratusan pelajar daripada disiplin sains juga mempunyai peratusan yang lebih besar daripada disiplin bukan sains di UMS. Buat masa ini jumlah pelajar pascasiswazah (sarjana dan doktor falsafah) dengan penyelidikan di UMS adalah berjumlah 639 orang. Jumlah pelajar berasaskan disiplin sains adalah berjumlah 355 orang, iaitu 55.56 peratus, manakala disiplin bukan sains pula berjumlah 284 orang, iaitu 44.44 peratus.⁵

Peningkatan pelajar pascasiswazah ini bukan bermakna pelajar prasiswazah akan dikurangkan bilangannya. Bilangan pelajar prasiswazah tidak dikurangkan, cuma peratusan pelajar pascasiswazah akan lebih diberi peningkatan. Ini penting bagi keseimbangan graduan dan penyelidik dalam jangka panjang, kerana jika pelajar prasiswazah dikurangkan, maka kita akan menghadapi masalah untuk mendapatkan calon pelajar pascasiswazah kelak. Dengan erti kata yang lain, jika tidak ada pelajar prasiswazah yang baik mutunya, maka kita akan menghadapi masalah mendapat bakal pelajar pasca dan penyelidik pada masa hadapan.

C. MEMPERKASAKAN PENGAMBILAN, PERLANTIKAN DAN LATIHAN LANJUTAN KEPADA TENAGA AKADEMIK YANG BERKUALITI

Tenaga akademik yang berkualiti adalah di antara asas penting dalam usaha menjayakan UMS mencapai status universiti penyelidikan. Tanpa tenaga akademik yang berkualiti, usaha penyelidikan sukar dijayakan kerana tenaga akademik dan penyelidik yang berkualiti adalah tunjang kepada sesuatu penyelidikan.⁶

⁵Data adalah berdasarkan temubual dengan Pegawai Teknologi Maklumat, Pusat Pengajian Pascasiswazah, Universiti Malaysia Sabah, En. Awang Lamsari bin Saupi, pada 19 Jun 2008.

⁶Di antara tujuh teras dalam membentuk ketokohan komuniti akademik adalah memperteguhkan penyelidikan dan inovasi. Di antara sebab universiti ternama luar negara melanjutkan khidmat professor tersohor adalah kerana kematangan ilmu, ketajaman perspektif, komitmen dan luahan aspirasi yang dicernakan melalui penyelidikan dan hasil

Dalam usaha ini UMS perlu melakukan beberapa perkara, iaitu: *pertama*, calon pensyarah adalah diutamakan kepada yang telah memiliki ijazah kedoktoran (Ph.D); *kedua*, tenaga akademik sedia ada yang belum mempunyai ijazah Ph.D akan diberikan galakan dan peluang pengajian Ph.D dengan secepat mungkin tanpa syarat yang menghalang seseorang melanjutkan pengajian; *ketiga*, perhebatkan aktiviti cuti sabbatical dan kursus pasca kedoktoran; *keempat*, menjemput profesor pelawat tersohor ke UMS; *kelima*, memberikan insentif kepada tenaga akademik yang berjaya menerbitkan hasil penyelidikan, sama ada buku atau artikel dalam jurnal akademik tersohor dalam bidang masing-masing; dan akhir sekali, *keenam*, perkayakan rangkaian dengan universiti terkemuka dunia dalam hal yang berkaitan dengan peningkatan akademik dan penyelidikan.

D. MEMPERKASAKAN RANGKAIAN UMS DENGAN UNIVERSITI-UNIVERSITI TERKEMUKA DUNIA

Dalam usaha UMS mencapai status universiti penyelidikan, rangkaian dengan universiti-universiti terkemuka dunia (seperti University of Cambridge, Oxford, Harvard, Yale, MIT dan sebagainya) hendaklah dilakukan melalui beberapa cara yang mungkin. Empat kaedah pembentukan rangkaian dicadangkan adalah: *pertama*, melalui penyelidikan bersama; *kedua*, penerbitan jurnal bersama; *ketiga*, mengadakan penganjuran seminar bersama; dan akhir sekali, *keempat*, program pertukaran tenaga akademik dan juga pentadbiran dan pengurusan universiti.

Melalui penyelidikan bersama, tenaga penyelidik dapat memahami kaedah penyelidikan yang lebih baik dan efisien daripada penyelidik dan tenaga akademik universiti terkemuka itu. Hasil penyelidikan juga dapat diterbitkan dalam jurnal-jurnal akademik mereka yang lebih bermutu dan juga menjadi rujukan lebih luas oleh seluruh warga akademia antarabangsa. Melalui penerbitan ini juga para penyelidik dan ahli akademik UMS dapat berhubung dan diterima dengan lebih luas oleh komuniti akademik dalam bidang tertentu. Kedudukan UMS di peringkat antarabangsa akan menjadi lebih baik dan seterusnya akan memudahkan lagi dan meluaskan pembentukan jaringan dan kerjasama di peringkat antarabangsa.

Penganjuran seminar bersama dengan universiti-universiti terkemuka ini juga berupaya meningkatkan taraf yang lebih baik bagi memartabatkan UMS sebagai universiti penyelidikan. Pengurusan seminar dan hal-hal yang berkaitan dapat kita pelajari daripada universiti terkemuka ini. Misalnya universiti-universiti terkemuka ini mempunyai kaedah pengurusan tertentu dalam mengendalikan sesebuah seminar bertaraf antarabangsa. Mereka telah lama menggunakan dan mengamalkan *Event Organiser* dalam mengendalikan

penulisan bermutu. Kecekapan mentadbir, memberi ceramah dan nota kuliah diletakkan pada tahap yang lebih rendah berbanding dengan usaha penyelidikan dan hasil penerbitan bermutu, walaupun ianya tetap penting dalam dunia akademia. Lihat Zaini Ujang (2008:8).

sebuah seminar dan persidangan antarabangsa. Ini bermakna satu badan dibentuk bagi menguruskan dan mengendalikan persidangan. Para ahli akademik tidak terlibat dalam pengurusan yang “tidak bersifat akademik” seperti pengurusan penginapan, pengangkutan peserta, tempat dewan seminar, percetakan dan hal-hal yang tidak begitu memerlukan kepakaran akademik. Yang menjadi tugas para tenaga akademik adalah yang berkaitan dengan penilaian abstrak, kandungan kertas persidangan dan lain-lain yang memerlukan kepakaran akademik yang spesifik. Jadi ahli akademik tidak membuang masa dengan kerja-kerja yang sepatutnya tidak dilakukan oleh mereka.

Walaupun apa yang dinyatakan ini nampak mudah, tetapi sukar diubah kerana telah lama diamalkan di negara-negara sedang membangun seperti Malaysia. Hal ini telah menghambat kemajuan tenaga akademik yang terpaksa membuang banyak masa yang tidak sepatutnya dilakukan mereka. Ini mungkin lebih senang diubah jika model universiti terkemuka dibawa masuk dengan cara yang betul dan boleh diterima oleh para pentadbiran tinggi universiti di Malaysia. Di negara sedang membangun, perubahan dan idea baru biasanya lebih senang diterima jika bersifat *top down* yang agak berbeza dengan negara maju yang boleh menerima perubahan dan saranan yang bersifat *bottom-up* (Zaini Ujang, 2008:8). Program pertukaran staf juga boleh membawa masuk idea-idea baru yang baik ke dalam UMS.

E. MEMPERKASAKAN PEMBENTUKAN KETUA PENYELIDIK (MALIM SARJANA) YANG BERKEMAMPUAN

Ketua penyelidik yang mampu membentuk dan mendidik penyelidik muda (*Malim Sarjana*) yang sedia ada di UMS perlu digerakkan oleh pihak pentadbiran utama UMS supaya proses pembentukan generasi muda penyelidik pelapis berterusan. Peluang, ruang dan galakan yang sepatutnya perlu diberikan dengan seluas-luasnya agar *Malim Sarjana* ini benar-benar dimanfaatkan oleh pihak UMS.

Pihak pentadbiran atasan dan sekolah perlu mengenalpasti para akademik dan tenaga penyelidik yang berpotensi agar tidak berlaku pembaziran. Pihak Dekan hendaklah menamakan tenaga akademik yang berpotensi menjadi ketua penyelidik dan membentuk kumpulan penyelidikan berdasarkan disiplin ataupun tajuk tertentu. Pihak universiti mesti mencari jalan agar tajuk-tajuk dan cadangan penyelidikan yang baik tidak ditolak dan mencari jalan agar penyelidikan itu dapat dijalankan.

Elakkan daripada menolak cadangan penyelidikan dengan alasan yang tidak begitu bersifat akademik. Pembentukan *Malim Sarjana* mesti diperkuatkan dan disokong oleh pihak universiti agar kedudukannya kuat dan memainkan peranan yang lebih berkesan dalam keputusan dan keberkesanan penyelidikan.

F. MEMPERKASAKAN PEMASARAN HASIL-HASIL PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN

Hasil penyelidikan dan penerbitan yang dihasilkan hendaklah dipasarkan dengan baik dan sistematik. Satu mekanisme hendaklah dibentuk oleh pihak universiti dengan peraturan dan garis panduan yang jelas untuk membawa kebaikan kepada pihak universiti dan juga penyelidik dalam jangka panjang. Pembayaran royalti dan saguehati, misalnya, perlu dilakukan kepada ahli akademik yang menghasilkan sesuatu penerbitan sebagai penghargaan dan juga sebagai menghormati hasil yang dikeluarkan. Ini akan menggalakkan lagi usaha penyelidikan dan penerbitan bagi pengkaji tersebut dan juga kepada para penyelidik dan penulis muda.

Sebuah pusat pemasaran hasil-hasil penyelidikan dan penerbitan UMS perlu diwujudkan bagi memudahkan proses pemasaran berlaku. Struktur dan sistem pengurusan pusat itu perlu digariskan dengan jelas dan tepat dengan objektif penubuhan. Besar atau kecil struktur pengurusan dan bangunan fizikal pusat pemasaran tidak penting, tapi yang penting adalah keberkesanan dan matlamatnya tercapai.

KESIMPULAN

Universiti penyelidikan adalah matlamat murni bagi setiap universiti kerana ini adalah salah satu peranan penting yang sepatutnya berlaku di setiap universiti, bukan sahaja di UMS tetapi untuk semua universiti di Malaysia. Tetapi usaha ini bukanlah suatu yang mudah kerana ianya melibatkan banyak pihak di semua bahagian pentadbiran dan peringkat dalam sesebuah universiti.

Kerjasama di berbagai peringkat dan bahagian dalam UMS adalah sangat perlu bagi mencapai matlamat status universiti penyelidikan. Sebagai sebuah universiti yang agak baru (berbanding dengan universiti-universiti awam lain di Malaysia seperti UM, UKM dan USM) ianya perlu lebih banyak masa merancang strategi yang benar-benar berkesan ke arah status universiti penyelidikan, mengambil pengajaran daripada strategi dan pelaksanaan universiti yang lebih lama dan lebih berjaya, mencari kelemahan strategi pelaksanaan UMS, memperbetulkan kelemahan itu, serta melaksanakan dasar-dasar dan strategi yang positif. Akhir sekali, kami percaya sampai pada suatu masa UMS akan berjaya mencapai status universiti penyelidikan dalam masa kurang daripada sepuluh tahun.

Bibliografi

- Akhbar *Utusan Malaysia*. Kuala Lumpur: 3 Julai 2004, mengenai "Senarai IPTA Diiktiraf Universiti Penyelidikan".
Akhbar *Utusan Malaysia*. Kuala Lumpur: 19 November 2007.

- Akhbar *Utusan Malaysia*. Kuala Lumpur: 19 Mei 2008.
- "Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar UMS", 2008.
- "Bahan tentang Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara", Diagihkan semasa Bengkel Pelan Strategik dan Pelan Tindakan UMS, 31 Oktober - 3 November 2007, di Rasa Ria Resort Tuaran, Sabah.
- Mills, D. Quinn. (2008). "What Makes a University Great". *Kertas Kerja* dalam Kursus Kedekanan Anjuran AKEPT Malaysia, One World Hotel, Harvard Business School, di Bandar Utama, Petaling Jaya, pada tarikh 26-30 Mei.
- Prospektus Pascasiswazah 2002/2003*. Kota Kinabalu: UMS [Universiti Malaysia Sabah], 2003.
- Ramli Abdul Samad. (2004). "Cabaran Perpustakaan Realisasikan Universiti Penyelidikan" dalam akhbar *Utusan Malaysia*. Kuala Lumpur: 20 Disember.
- Temubual dengan Pegawai Teknologi Maklumat, Pusat Pengajian Pasca Siswazah, Universiti Malaysia Sabah, En. Awang Lamsari bin Saupi, pada 19 Jun 2008.
- "Times Higher Education: QS World University Rankings 2007" dalam http://www.topuniversities.com/worlduniversityrankings/results/2007/overall_rankings/rankings_401_500/ [diakses di Kota Kinabalu: 13 Ogos 2008].
- Zaini Ujang. (2007). "Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara" dalam akhbar *Utusan Malaysia*. Kuala Lumpur: 16 Disember.
- Zaini Ujang. (2008). "Misi Mengangkasa Pengajian Tinggi: Pelan Transformasi Menerusi Tujuh Teras Bentuk Ketokohan Komuniti Akademik" dalam Rencana *Berita Harian*. Kuala Lumpur: 17 Julai.



UMS sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam yang kesembilan masih perlu memikul agenda utama negara, iaitu memenuhi tuntutan "obligasi sosial" bagi menyediakan asas pengajaran-pembelajaran kepada rakyat Sabah khususnya dan Malaysia amnya.